

SOALAN NO.: 55

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 10 JUN 2015

SOALAN:

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan berapakah jumlah wang yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan kepada Kementerian untuk digunakan sebagai pinjaman (*soft loan*) kepada pengusahaan-pengusahaan tanaman pokok balak dan berapa lamakah secara purata pinjaman ini dapat dikeluarkan oleh Kementerian atau agensi Kerajaan apabila tuntutan dibuat selepas semua syarat-syarat telah dipenuhi.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) telah menyediakan peruntukan pinjaman berjumlah RM1.045 bilion bagi membangunkan ladang hutan seluas 375,000 hektar untuk tempoh masa 15 tahun iaitu, dari tahun 2006 sehingga 2020.

Penyaluran wang pinjaman kepada syarikat peminjam adalah berdasarkan kepada kemajuan tanaman dan kerja-kerja yang dilakukan di lapangan. Dalam hal ini setiap tuntutan pengeluaran pinjaman akan diangkat ke Mesyuarat Jawatankuasa Tuntutan Pengeluaran Pinjaman Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH).

Proses tuntutan pengeluaran pinjaman bermula dengan tuntutan syarikat peminjam yang memohon untuk pengeluaran wang pinjaman berdasarkan kemajuan tanaman.

Pada peringkat ini pasukan petugas daripada Forest Plantation Development Sdn Bhd (FPDSB) iaitu, syarikat milik penuh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) akan menyemak semua dokumen yang diserahkan oleh syarikat peminjam berdasarkan pematuhan yang termaktub dalam perjanjian pinjaman.

Setelah semua syarat-syarat dipenuhi, petugas FPDSB bersama-sama pegawai MPIC dan MTIB akan mengadakan lawatan dan semakan siap kerja di lapangan. Setelah siap lawatan dan semakan siap kerja di

lapangan dilakukan maka pasukan yang mengadakan lawatan tersebut akan menyediakan laporan sebelum diangkat ke Mesyuarat Jawatankuasa Tuntutan Pengeluaran Pinjaman PPLH.

Setelah mendapat kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa, MTIB akan menyalurkan wang pinjaman tersebut kepada FPDSB untuk disalurkan kepada syarikat peminjam.

Selepas semua syarat dipenuhi dan tiada pelanggaran dalam perjanjian pinjaman, pada kebiasaananya mengikut *Standard Operating Procedure (SOP)* yang ditetapkan, proses pengeluaran pinjaman boleh disalurkan kepada peminjam dalam tempoh 120 hari bekerja. Walau bagaimanapun sehingga kini, rekod menunjukkan secara purata tempoh pengeluaran wang pinjaman adalah kurang dari tempoh tersebut.

Sekian, terima kasih.